

PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam kerja - kerja berkaitan seperti berikut :-

No. Sebut harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebut harga	Kelayakan Penyebut harga	Harga
SH/PTGS/18/2022	SEBUT HARGA PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PERISIAN BAGI PELAYAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB) DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) DAN SEMBILAN (9) PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) NEGERI SELANGOR SELAMA TEMPOH DUA (2) TAHUN	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210101 DAN 210102 DAN 210103 DAN 210104 DAN 210105 DAN 210106 yang masih sah dan berkuatkuasa; DAN Surat Pengesahan Pendaftaran Sistem Tender Online Selangor, (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	RM20.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga / wakil yang sah sahaja dengan **cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0** mulai **27 Oktober 2022 (Khamis) hingga 2 November 2022 (Rabu)** sebelum jam 12.00 tengahari.
3. Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam 2 sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar berlakri dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atas sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat seperti berikut:

SULIT-SH/PTGS/18/2022

**Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bahagian Khidmat Pengurusan
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

Tarikh tutup : **2 November 2022 (Rabu) jam 12.00 tengahari**

4. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: **26 Oktober 2022**

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

